



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK) TINGKATKAN KESEDARAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI

SELANGOR, 30 Ogos 2025- Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menegaskan peranan penting masyarakat dan komuniti setempat melalui Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) sejak tahun 2020 sebagai salah satu usaha melindungi kelestarian sungai iaitu sumber air utama negara.

Ketua Setiausaha PETRA, YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli telah merasmikan Denai Sungai Langat, Kuala Langat di Batu 8 Sijangkang, Mukim Telok Panglima Garang, Selangor. Beliau telah menekankan bahawa Program DSK bertujuan mewujudkan *sense of belonging*, meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab bersama di kalangan masyarakat dan komuniti untuk menjaga kelestarian dan keindahan sungai sekaligus mengurangkan kejadian pencemaran sungai. Selain itu, pembinaan denai juga dapat menggalakkan aktiviti di kawasan sungai dan merangsang ekonomi seperti eko-pelancongan sungai.

Turut hadir, YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia.

Projek Denai Sungai Langat, Kuala Langat yang bermula pada 7 April 2025 dan siap pada 2 Jun 2025 melibatkan penaiktarafan denai sepanjang 1.3 km. Pengunjung kini boleh menikmati denai sejauh 2.6 km bagi satu pusingan lengkap. Lokasi Denai Sungai Langat terletak bersebelahan Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang yang

sebelum ini adalah tapak pembuangan sampah haram dan telah ditransformasikan kepada kawasan rekreasi pendidikan dan pelancongan mampan hasil kerjasama komuniti.

Bagi tahun 2025, sebanyak 35 program DSK yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk 6 program DSK di Negeri Selangor.

PETRA merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor atas kerjasama erat menjayakan Program DSK serta komitmen bersama terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sungai sejajar dengan teras kemampanan dan kesejahteraan dalam Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
30 Ogos 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA

